

## ADVISORY NOTE NO. 4/2021

### PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR TEMPATAN AKIBAT PENANGGUHAN/ PEMBATALAN UJIAN KOMPETENSI BAHASA INGGERIS TEMPATAN – MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)

#### PENDAHULUAN

1. *Advisory Note* ini dikeluarkan dengan merujuk kepada *Advisory Note No. 2/2020* yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) pada 13 April 2020.
2. MQA mengambil maklum akan penangguhan/ pembatalan ujian kompetensi Bahasa Inggeris tempatan iaitu *Malaysian University English Test (MUET)* yang memberi kesan kepada kemasukan pelajar tempatan ke program pengajian di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT).
3. Selaras dengan penangguhan/ pembatalan MUET dan setelah merujuk kepada pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), MQA dan JPT bersetuju untuk menangguhkan pemakaian pencapaian MUET dalam syarat kelayakan masuk umum dan syarat kelayakan masuk khusus bagi bidang dan/ atau peringkat pengajian yang berkaitan.

#### PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR

4. PPT perlu melaksanakan langkah-langkah interim bagi memastikan pelajar mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris pada tahap yang diperlukan untuk memulakan pengajian.
5. PPT dinasihatkan untuk membuat **tawaran bersyarat** kepada kumpulan pelajar yang terlibat dengan melaksanakan saringan lanjut. Keutamaan diberikan kepada calon pelajar yang memenuhi salah satu daripada kriteria berikut:
  - i. Pencapaian sekurang-kurangnya kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ setara; atau
  - ii. Pencapaian Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan yang lebih tinggi seperti Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ setara.

6. PPT perlu melaksanakan **Ujian Penempatan Bahasa Inggeris** yang bersesuaian setelah pelajar mendaftar di kampus bagi menentukan tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar dan merancang tindakan susulan yang bersesuaian.
7. PPT akan mengendalikan pelajar tempatan yang diberikan **tawaran bersyarat** seperti berikut:
  - i. Pelajar diberi pilihan untuk menduduki MUET/ ujian lain yang setara dalam tempoh **maksimum satu (1) tahun** dan mencapai tahap kompetensi MUET yang ditetapkan.
  - ii. Sepanjang tempoh maksimum satu (1) tahun tersebut, pelajar boleh mengambil kursus-kursus yang ditawarkan bagi program yang diikuti.
  - iii. Pelajar yang gagal mencapai tahap kompetensi Bahasa Inggeris yang ditetapkan perlu dipindahkan ke program lain yang bersesuaian.
  - iv. Perkara ini perlu dimaklumkan secara jelas kepada pelajar dalam surat tawaran bersyarat.
8. PPT boleh melaksanakan pengecualian pencapaian kompetensi Bahasa Inggeris kepada pelajar tempatan yang berkenaan berdasarkan kepada ketetapan dalam 'Surat Pemakluman JPT Mengenai Keputusan Dasar-Dasar Baharu Institusi Pendidikan Tinggi (IPTTS)' bertarikh 27 Januari 2017.
9. *Advisory Note* ini terpakai khusus bagi kemasukan **pelajar tempatan Sesi Akademik 2021/2022** yang terkesan dengan penangguhan dan pembatalan MUET sepanjang tahun 2021.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di <https://www2.mqa.gov.my/sppav2/>.

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**  
**7 APRIL 2021**